

11 MAR 1997

MIRZAN TIDAK BERMINAT TERHADAP SAHAM MAJORITI WESTPORT

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Pengerusi Konsortium Perkapalan Bhd, Mirzan Mahathir, yang sebelum ini menyatakan minat untuk memiliki kepentingan di dalam Westport Holdings Sdn Bhd jika ditawarkan, berkata hari ini mengambil kepentingan majoriti bukanlah apa yang sedang difikirkannya.

Katanya adalah tidak munasabah bagi Konsortium Perkapalan mengambil kepentingan majoriti di dalam Westport Holdings, pengusaha Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang.

"Saya bukan ada di situ untuk cuba mengambil pegangan ekuiti (kepentingan majoriti) kerana ia tidak munasabah. Kedudukan ekuiti bermakna tanggung jawab yang besar, perlu memasukkan pengurusan dan kuasa anda sendiri," katanya.

Mirzan berkata kepentingan minoriti adalah memadai di dalam sebuah perbadanan yang dikendalikan dengan baik seperti Westport Holdings.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menghadiri perbincangan Meja Bulat Majlis Perdagangan AS-Malaysia di sini.

"Jika Konsortium Perkapalan boleh ada hak di dalam syarikat atau dapat memberikan kefahaman mengenai operasinya di dalam cara lebih terperinci tanpa menguasai Westport Holdings, pembabitan ekuiti tidak akan perlu sama sekali," kata Mirzan.

"Pada saya jika saya mahu benar-benar menggunakan wang saya dengan baik saya lebih suka melaburnya di dalam ekuiti," tambahnya.

Kepada satu pertanyaan, katanya Konsortium Perkapalan sedang melihat beberapa peluang di Afrika Selatan untuk meluaskan aktiviti perkapalan syarikat itu.

"Kami ingin menyertai bersama dengan rakan-rakan kongsi Afrika untuk membangunkan industri perkapalan di bahagian dunia di sebelah sana," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai perkara itu. --
BERNAMA

AD OS/sia